

Malaysia berpendapat Timor Timur perlu sertai

ASEAN UM 20 MAY 2002

SHAH ALAM 19 Mei — Malaysia berpendapat Timor Timur perlu menyertai ASEAN supaya jalinan kerjasama lebih erat diwujudkan di rantau ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Saya rasa Timor Timur perlu menyertai ASEAN. Kita mengalu-alukannya,” katanya ketika ditanya pandangan beliau jika Timor Timur memohon menyertai gabungan 10 negara di Asia Tenggara itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Perisytiharan kemerdekaan wilayah Timor Timur dibuat pada tengah malam ini manakala acara sambutan penuh pada esok.

Xanana Gusmao dipilih sebagai presiden pertama selepas menewaskan pencabarnya, Francisco Xavier do Amaral pada April lalu.

Perdana Menteri selanjutnya berkata, Malaysia mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Timor Timur yang menyambut hari kemerdekaannya.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia berasa sangat gembira kerana perjuangan rakyatnya untuk mendapat kemerdekaan selama ini menjadi kenyataan.

Perdana Menteri bagaimanapun meminta maaf kerana tidak dapat hadir untuk menyaksikan sambutan hari kemerdekaan negara berkenaan.

Ini kerana beliau akan mengadakan lawatan ke Jepun bermula esok.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menurut Perdana Menteri, akan mewakili negara menyambut hari kemerdekaan Timor Timur.

Dr. Mahathir turut melahirkan minatnya untuk mengadakan lawatan ke negara tersebut jika mempunyai kelapangan.